

✓

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1999/2000

September 1999

SBW232 - Pendidikan, Latihan dan Sumber Manusia

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja daripada soalan-soalan berikut.

1. Rujuk kepada teori fungsionalis dan konflik dalam pendidikan.
  - a) Apakah fungsi persekolahan mengikut kedua-dua teori di atas? (50 markah)
  - b) Bagaimanakah teori-teori di atas boleh diaplikasikan ke atas keadaan persekolahan di zaman kolonial Malaysia? (50 markah)
  
2. Dengan merujuk kepada bacaan-bacaan mengenai pendidikan dan konsep modal manusia, jawab soalan berikut.
  - a) Di dalam banyak kajian terhadap kos-faedah pendidikan mengapakah didapati bahawa kadar pulangan sosial persekolahan (*social rate of return of schooling*) lebih rendah dari kadar pulangan persendirian persekolahan (*private rate of return of schooling*)? (50 markah)
  - b) Adakah penyelesaian kepada permasalahan di atas ialah dengan menswastakan pendidikan? (50 markah)

3. a) Persekolahan di zaman kolonial Malaysia yang berbentuk “beza dan tidak saksama” (*different and unequal*) memenuhi kehendak setiap kumpulan masyarakat pada ketika itu sehingga tidak terdapatnya ketidakpuasan yang ketara. Adakah anda bersetuju? (50 markah)
- b) Menjelang kemerdekaan mengapa timbulnya desakan masyarakat untuk merombak sistem persekolahan lama? (50 markah)
4. Bincangkan faktor-faktor yang menjadikan kemajuan dalam:  
a) Pendidikan sains dan teknologi (50 markah)  
b) Perlaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) (50 markah)
5. Bincangkan masalah pendemokrasian pendidikan di Malaysia kini dari segi:  
a) Pencapaian mutu dalam pendidikan (25 markah)  
b) Faedah “devolusi” pendidikan (25 markah)  
c) Otonomi pendidikan tinggi (25 markah)  
d) Nilai pluralisme dalam pendidikan (25 markah)
6. Lima akta-akta pendidikan baru telah diluluskan sekitar pertengahan tahun 1990an.  
a) Mengapakah akta-akta ini diluluskan? (50 markah)  
b) Adakah akta-akta ini akan membawa kepada perubahan radikal terhadap sistem pendidikan hari ini? (50 markah)